

JPS Updates



**TAHANIAH
TERAJU UTAMA JPS MALAYSIA**



**MAJLIS PERJUMPAAN DENGAN
PEGAWAI LANTIKAN
PERSEKUTUAN DI ZON UTARA
(U2)
m/s 04**

**SAMBUTAN HARI AIR SEDUNIA
PERINGKAT KEBANGSAAN
m/s 02**

**AKTIVITI PUSPANITA JPS MALAYSIA
LAWATAN HARI KRAF
KEBANGSAAN 2016
m/s 07**



@OneJPS

www.water.gov.my

PERLANTIKAN KETUA PENGARAH, TIMBALAN KETUA PENGARAH 1 DAN PENGARAH KANAN JPS MALAYSIA

Oleh: Bahagian Korporat

Seluruh warga Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas perlantikan teraju utama JPS Malaysia. Semoga kita bersama-sama akan terus maju dalam menjayakan misi dan visi JPS di mata dunia.



IR. HJ. NOR HISHAM BIN MOHD GHAZALI
PENGARAH KANAN
(SEKTOR PENGURUSAN)
TARIKH KUATKUASA : 15 MAC 2016



YBHG. DATO' IR. HJ. ZULKEFLI BIN HASSAN
KETUA PENGARAH
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN, MALAYSIA
TARIKH KUATKUASA : 21 MAC 2016



YBHG. DATO' IR. HJ. MOHD ABDUL NASSIR BIN BIDIN
TIMBALAN KETUA PENGARAH 1 (SEKTOR BISNES)
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN, MALAYSIA
TARIKH KUATKUASA : 15 MAC 2016

SAMBUTAN HARI AIR SEDUNIA PERINGKAT KEBANGSAAN

Oleh : Bahagian Korporat

"Air dan Pekerjaan" merupakan tema bagi sambutan Hari Air Sedunia bagi tahun 2016. Majlis Sambutan Hari Air Sedunia 2016 ini telah disempurnakan oleh YB. Dato Sri Dr. Haj Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar di Kompleks Sukan Air, Presint 6, Putrajaya pada 24 Mac 2016.

Majlis turut dihadiri oleh YB Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, YB Dato' Sri James Dawos Mamit, Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, YBhg. Dato' Ir. Haji Zulkeflie bin Hassan, Ketua Pengarah JPS dan YBhg. Dato' Omairi bin Hashim, Naib Presiden Perkhidmatan Bandar Perbadanan Putrajaya.



LAWATAN TEKNIKAL PUSAT KAWALAN SMART (STORMWATER MANAGEMENT AND ROAD TUNNEL)

Oleh : Bahagian Projek Khas

Pada 14 Mac 2016, satu lawatan teknikal telah diadakan di Pusat Kawalan SMART. Seramai 20 orang pegawai dari Bahagian Projek Khas telah menyertai lawatan ini antaranya En. Md Razip bin Ishhak, Ketua Penolong Pengarah, Seksyen Ukur Bahan, Pn Rashihah binti Ibrahim, Ketua Penolong Pengarah, Seksyen Ukur Bahan, Pn Khaliza binti Sedek, Ketua Penolong Pengarah, Seksyen Pengesanan & Penilaian.

Tujuan lawatan ini adalah bagi memberi pendedahan, kefahaman berkaitan operasi dan penyelenggaraan semasa lengongan air banjir dilakukan. Selain itu, para peserta juga dapat berkongsi pengalaman dengan pihak SMART berhubung dengan isu-isu semasa pelaksanaan projek dan selepas penyiapan projek serta memahami cara pengoperasian terowong SMART sewaktu banjir berlaku.



Oleh: Bahagian Pengurusan Zon Pantai

Pada 2 – 3 Mac 2016, satu Mesyuarat Thailand-Malaysia Joint Steering Committee (JSC) ke-15 telah diadakan di Bangkok Thailand. YBhg. Dato' Sri Azizan Bin Ahmad, Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan Mr. Lertviroj Kowattana Deputy Permanent Secretary, Ministry of Agriculture and Cooperatives (MOAC), Thailand merupakan co-chairman bagi mesyuarat tersebut. Turut hadir bersama iaitu Kapt. (B) Ir. Hj. Anuar bin Hj. Yahya, Pengarah Bahagian Pengurusan Zon Pantai dan Ir. Mohd Said bin Dikon, Pengarah Bahagian Pengurusan Lembangan Sungai serta 30 pegawai yang mewakili pihak Malaysia dan Thailand.

Mesyuarat berkala ini diadakan untuk menjalankan rundingan dua-hala di antara Kerajaan Malaysia dan Thailand di bawah perjanjian Projek Usahasama Pemuliharaan Muara Sungai Golok, Kelantan serta memastikan kepentingan serta keselamatan sungai dan pantai Negara diambilkira di dalam setiap aktiviti yang dilaksanakan di sempadan Negara.

MESYUARAT THAILAND-MALAYSIA JOINT STEERING COMMITTEE (JSC) KE-15



MAJLIS PERJUMPAAN DENGAN PEGAWAI LANTIKAN PERSEKUTUAN DI ZON UTARA (U2)

Oleh: Bahagian Khidmat Pengurusan

Pada 1 Mac 2016 yang lalu, satu majlis perjumpaan dengan pegawai lantikan persekutuan di Zon Utara (U2) telah diadakan di IADA Kerian. Majlis ini telah diketuai oleh Pengarah Khidmat Pengurusan, Tn Hj. Jailani bin Abdul Majid dan ia turut dihadiri oleh pegawai-pegawai dari Pejabat Jurutera Daerah Kuala Muda, Kulim, JPS Pulau Pinang (Ibu Pejabat dan JPS Daerah), Pejabat Lembangan Sg. Muda (PLSM) , RTB Sg Kerian, Pejabat JPS Kerian dan JPS Daerah Larut/Matang/Selama, IADA Pulau Pinang dan IADA Kerian.



MESYUARAT PEJABAT TANPA WARAN & PENYELARASAN PERJAWATAN PERKHIDMATAN KEMENTERIAN INDUSTRI DAN ASAS TANI (BPSM, BPSP & BIPB)

Oleh: Bahagian Khidmat Pengurusan

Bertempat di IADA Pulau Pinang, satu mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pengarah Khidmat Pengurusan, Tn Hj. Jailani bin Abdul Majid telah diadakan pada 2 Mac 2016. Seramai 14 orang telah menghadiri mesyuarat ini bagi menyelaraskan perjawatan JPS di Pejabat Tanpa Waran.



PEMUKIMAN REORG 2020 DI JPS BENTONG

Oleh: Bahagian Khidmat Pengurusan

Pada 24 - 25 Mac 2016, satu mesyuarat Pemukiman REORG 2020 telah diadakan di JPS Bentong. Ia telah dipengerusikan oleh Pengarah Khidmat Pengurusan, Tn Hj. Jailani bin Abdul dan turut hadir bersama Pengarah JPSWPKL Ir. Hjh. Bibi Zarina binti Che Omar dan Pengarah Operasi SMART, Ir. Amiruddin bin Aladin.

Permukiman ini bertujuan untuk mengemaskini aktiviti Pasukan Reorg 2020 JPS Malaysia antaranya :

- Mengemaskini draf Kertas Jemaah Menteri Penubuhan PRABN
- Memperkasakan Bahagian Ukur Bahan dan Pengurusan Kontrak
- Memperkasakan Bahagian Perkhidmatan Mekanikal dan Eletrikal
- Memperkemaskan struktur perjawatan di Bahagian BPK

TAKLIMAT TEKNIKAL TNB RESEARCH - TRASH BUSTER CRAFT

Oleh: Bahagian Perkhidmatan Mekanikal Dan Elektrikal

YBhg. Dato' Ir. Haji Zulkefli bin Hassan, Ketua Pengarah JPS Malaysia telah menghadiri satu taklimat teknikal TNB Research – *Trash Buster Craft* yang telah diadakan pada 10 Mac 2016 bertempat di Bilik Gerakan, Ibu Pejabat JPS Malaysia.

Ia turut dihadiri oleh Ir. Shahimi Bin Sharif, Pengarah JPS Kelantan, Tn. Syed Abdul Hamid Bin Syed Shuib, Pengarah Bahagian Rekabentuk dan Empangan, Dr. Md. Nasir Bin Md. Noh, Pengarah HTC, En. Azmi Bin Ibrahim, Pengarah Bahagian Binaan Bangunan dan Infrastruktur, Ir. Mohd Yusof Bin Ibrahim, Timb. Pengarah BPME dan Ir. Hj Abdul Najib Bin Abdullah, Pengarah Perlis.

Taklimat telah disampaikan oleh Pn Malathy, Pengurus Besar TNB Research yang bertujuan untuk memberi pendedahan produk baru hasil daripada R&D tempatan kepada JPS Bahagian serta Negeri berkenaan produk *Trash Buster Craft*. Selain itu, melalui program ini jalinan kerjasama di antara pihak swasta dan JPS dalam menangani masalah ‘*Water Hyacinth*’ dapat dipertingkatkan disamping memberi pendedahan kepada warga JPS akan teknologi tempatan sediada yang boleh digunakan dalam melaksanakan tanggungjawab selaras dengan tugas dan fungsi JPS.




TECHNOLOGY UPDATE KNOWLEDGE MANAGEMENT SYSTEM

Oleh : Bahagian Pengurusan Maklumat

Bahagian Pengurusan Maklumat telah mengadakan satu sesi *Technology Update: Knowledge Management System*, ia telah diketuai oleh Pengarah Pengurusan Maklumat, Pn Norizan binti Harun dan dihadiri oleh semua pegawai bahagian tersebut.

Sesi ini diadakan bagi melengkapkan pegawai dengan maklumat dan perkembangan terkini berkaitan pengurusan pengetahuan oleh pihak Knowledge Link Sdn. Bhd. Selain itu, pegawai boleh mendapatkan maklumat berkaitan tools dan teknologi terkini dalam pengurusan pengetahuan. Ia juga dapat memberi pendedahan terhadap senario pengurusan pengetahuan serta mengetahui proses yang terlibat dalam menguruskan pengetahuan dan analisis yang boleh dilaksanakan.



TEMUBUAL JPS DI SELAMAT PAGI MALAYSIA RTM

Oleh : Bahagian Korporat

Pada 16 Mac 2016 telah diadakan satu wawancara sempena Hari Air Sedunia bersama Selamat Pagi Malaysia (TV1) jam 8.30 pagi .Pihak Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia telah diwakili oleh Pn. Paridah Anun Bt Tahir, Timbalan Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Air & Hidrologi.



WORKSHOP ON COMPARATIVE STUDIES OF APPLYING ECOHYDROLOGY AND IWRM FOR UPSCALING WATER SECURITY IN ASIA AND AFRICA

Oleh : HTC KUALA LUMPUR (HTCKL)

Bertempat di Berjaya Times Square, Kuala Lumpur, Bahagian HTC KL telah mengadakan satu bengkel berkaitan modul Ecohidrologi dan kurikulum IWRM untuk pendidikan air di Asia Pasifik dan Afrika. Bengkel ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Dr. Mohd Ali Bin Mohamad Nor, Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan diiringi YBhg. Dato' Zulkifli Bin Hassan, Ketua Pengarah JPS Malaysia dan Profesor Dr. Shahbaz Khan, Pengarah UNESCO Jakarta dan Dr. Md. Nasir bin Md. Noh, Pengarah Pusat Serantau Tropika Lembap Hidrologi dan Sumber Air bagi Asia dan Pasifik (HTC Kuala Lumpur)

Bengkel ini diadakan adalah untuk memperkenalkan modul Ecohidrologi dan kurikulum IWRM bagi pendidikan air di Asia Pasifik dan Afrika. Di samping dapat mengukuhkan hubungan dan kerjasama serantau, ia juga merupakan platform dalam pertukaran pengetahuan saintifik, dasar dan maklumat di antara Asia dan Afrika.

MAJLIS PECAH TANAH PROJEK (RTB) PEMBINAAN PINTASAN BELEMANG DI SG. MUAR, JOHOR



Oleh : Bahagian Korporat

Pada 14 Mac 2016 telah diadakan satu Majlis Pecah Tanah bagi Projek Rangcangan Tebatan Banjir (RTB) Pembinaan Pintasan Belemang di Sungai Muar, Johor. Majlis ini telah disempurnakan oleh YB. Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar. Turut hadir bersama YB Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar dan YBhg. Dato' Zulkifli Bin Hassan, Ketua Pengarah JPS Malaysia.



AKTIVITI PUSPANITA JPS MALAYSIA LAWATAN HARI KRAF KEBANGSAAN 2016

Oleh : PUSPANITA JPS

Lawatan ke Hari Kraf Kebangsaan 2016 (HKK2016) anjuran Puspanita JPS Malaysia di bawah Biro Pembangunan Alam Bina Lestari ini diadakan pada 4hb Mac 2016. Lawatan yang disertai oleh 10 orang ahli PUSPANITA menyaksikan sendiri keunikan seni kraf Malaysia di muzium kraf yang terletak di tingkat atas bangunan Seri Budaya.

Penganjuran HKK2016 adalah bertujuan memberi pengiktirafan ke atas sumbangan usahawan dan penggiat kraf dalam mengembangkan industri kraf dan ekonomi Negara yang mana disokong oleh Puspanita JPS Malaysia.



PERTANDINGAN MEWARNA KANAK-KANAK ANJURAN PERPUSTAKAAN JPS DAN PUSPANITA JPS

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

YBhg. Dato' Ir. Haji Zulkefli bin Hassan

PENYELARAS

Ir. Hj. Nor Hisham Bin Mohd Ghazali

KETUA EDITOR

Ir. Haji Nishad Mohamed Bin Haji C.j. Mohd. Shaffy

EDITOR

Yuslina Binti Mohd Sani

PENOLONG EDITOR

Nor Hafizah binti Mohd Suhadis
Suriani binti Hassin
Noraini Binti Samsudin
Noor Asmihan Binti Abd Wahab

SUMBANGAN BERITA OLEH

Bahagian Korporat
Bahagian Pengurusan Maklumat
Bahagian Pengurusan Zon Pantai
Bahagian Projek Khas
Bahagian Khidmat Pengurusan
Bahagian Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal
Unit Perpustakaan
HTC Kuala Lumpur (HTCKL)

DITERBITKAN DAN DIREKAGRAFIK OLEH

Bahagian Korporat
Jabatan Pengairan dan Saliran, Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50626 Kuala Lumpur

Sebarang maklumat dan berita serta gambar-gambar untuk keluaran akan datang boleh dihantar kepada kami melalui :

Email : norhafizah@water.gov.my
No. Tel : 03-2615 1765

Email : suranihassim@water.gov.my
No. Tel : 03-2616 1449

Email : noraini_s@water.gov.my
No Tel : 03-2616 1461

Oleh : UNIT PERPUSTAKAAN

Pada 18 Mac 2016, Perpustakaan JPS dengan kerjasama PUSPANITA JPS telah mengadakan Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak Sempena Cuti Sekolah 2016. Program ini telah dirasmikan oleh En. Idris bin Yussof , Pengarah Bahagian Pengurusan Banjir dan turut dimeriahkan oleh Pn. Norizan binti Abdul Aziz, Pengarah Audit Prestasi , Pn. Yuslina binti Mohd. Sani, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Korporat, Datin Norliza binti Zakaria, Pengerusi PUSPANITA JPS dan Pn. Nor Azwa binti Ahmat Rosli, wakil PUSPANITA JPS.

Seramai 26 orang kanak-kanak berumur di antara empat hingga sembilan tahun yang merupakan anak-anak warga JPS telah menyertai pertandingan ini. Pertandingan ini diadakan bagi membantu anak-anak warga JPS mengisi masa lapang di musim cuti sekolah di samping menanamkan sikap cintakan ilmu serta membudayakan amalan membaca buku dan mengetahui peranan serta fungsi-fungsi perpustakaan. Selain itu, program ini juga dapat mengeratkan hubungan silaturrahim di kalangan warga JPS itu sendiri.





like us on
facebook.



@OneJPS

www.water.gov.my